



TEKS UCAPAN ALU-ALUAN

Oleh

**YB SENATOR DATUK LIM BAN HONG
TIMBALAN MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA
DAN INDUSTRI**

DI

**PAMERAN HALAL ANTARABANGSA MALAYSIA KE-18
MIHAS 2022**

“MEMPELBAGAIKAN POTENSI HALAL”

8 September 2022 (Khamis)

10.00 Pagi

1. Yang Amat Berhormat Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob Perdana Menteri;
2. Yang Berhormat Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali Menteri Kanan Perdagangan Antarabangsa dan Industri;
3. Yang Berhormat Ahli-Ahli Jemaah Menteri;
4. Yang Berbahagia Ketua Setiausaha Negara;
5. Yang Berbahagia Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam;
6. Tuan Yang Terutama Duta-Duta Besar dan Perwakilan Negara Asing;
7. Yang Berbahagia Datuk Lokman Hakim bin Ali Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri;
8. Yang Berhormat Ahli – Ahli Parlimen;
9. Yang Berbahagia Tan Sri Dr. Halim Mohammad Pengerusi Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE);
10. Yang Berbahagia Datuk Mohd Mustafa Abdul Aziz Ketua Pegawai Eksekutif MATRADE;
11. Pegawai-Pegawai Kanan Kerajaan;
12. Pempamer Tempatan dan Antarabangsa;
13. Rakan-rakan media;
14. Tuan-tuan dan Puan-puan, Keluarga Malaysia yang saya kasihi sekalian.

Para hadirin yang dihormati,

1. Salam sejahtera dan selamat pagi kepada semua yang berada di dewan ini, serta mereka yang mengikuti acara ini melalui platform digital. Saya difahamkan bahawa acara ini turut distrim secara langsung melalui platform maya MIHAS dan YB Menteri Kanan MITI sendiri turut menyertai kita secara dalam talian terus dari kota Los Angeles. Sekali lagi, selamat datang kepada semua ke majlis perasmian MIHAS 2022.
2. Saya ingin menzahirkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana sudi merasmikan MIHAS Edisi ke-18 ini. Terima kasih juga kepada semua peserta dari dalam dan luar negara kerana tanpa sokongan anda semua, MIHAS tidak mungkin berada di tampuk kejayaan seperti yang kita lihat pada hari ini.

Tuan-tuan dan puan-puan,

3. Mengimbau kembali tahun 2020, kita telah menyaksikan aktiviti ekonomi dunia terhenti sementara, dan MIHAS, yang merupakan acara ikonik negara tidak dapat diadakan akibat sekatan perjalanan. Kesan pandemik yang berlanjutan hingga ke tahun 2021 telah mendorong MITI dan MATRADE untuk mengambil pendekatan menggunakan platform dalam talian bagi meneruskan agenda negara mempromosi Halal ke peringkat global.
4. Maka, buat julung kalinya, MIHAS 2021 telah dianjurkan sepenuhnya secara maya dimana pameran, pertemuan perdagangan dan acara

sampingan lain seperti webinar dijalankan menerusi platform digital. Usaha ini diragui keberkesanannya oleh beberapa pihak, namun, keraguan tersebut telah disangkal dengan kejayaan MIHAS menghasilkan jualan eksport tertinggi yang pernah direkodkan iaitu melebihi RM2 billion.

5. MIHAS Edisi ke-18 ini merupakan kesinambungan kepada penganjuran acara tahunan, yang merupakan platform terbesar bagi pameran barangan dan perkhidmatan Halal. Sejak ia mula dianjurkan pada 2004, MIHAS telah menerajui Agenda Halal Malaysia dan telah memanfaatkan lebih dua belas ribu syarikat Malaysia serta pembeli antarabangsa. Ia juga secara kumulatif, telah menyumbang sekitar RM20 bilion kepada jumlah eksport negara.

Hadirin yang dihormati sekalian,

6. MIHAS pada tahun ini sekali lagi memberi tumpuan terhadap pelbagai sektor dalam industri Halal negara yang terdiri daripada 13 kluster antaranya barangan makanan dan minuman, kosmetik dan penjagaan diri, farmaseutikal dan fesyen santun. Fokus juga turut diberi terhadap perkhidmatan patuh Syariah seperti kewangan Islam, pendidikan, pelancongan mesra Muslim, e-Dagang, dan kluster yang terbaharu iaitu kesenian dan kraf Islam.
7. MIHAS 2022 turut menampilkan sesi Hab Pengetahuan secara hibrid, yang merupakan komponen perkongsian maklumat oleh pengeksport Malaysia dan pengimport dari luar negara. Lebih 1,000 syarikat Malaysia khususnya Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) telah mendapat manfaat daripada sesi ini, dengan

memperoleh maklumat berkaitan trend industri terkini, akses pasaran dan petua kejayaan perniagaan antarabangsa serta pendedahan mengenai kepentingan pendigitalan dan kelestarian dalam meraih peluang eksport baharu di pasaran global.

Hadirin yang dihormati sekalian,

8. Malaysia merupakan antara pengeluar utama barangan Halal, dimana pada tahun 2021, eksport barangan Halal meningkat sebanyak 19% kepada RM36.30 bilion berbanding RM30.50 bilion yang direkodkan pada tahun 2020. Industri Halal dijangka akan terus berkembang di rantau Asia-Pasifik susulan daripada ratifikasi Malaysia ke atas *Regional Comprehensive Economic Partnership* (RCEP) yang berkuatkuasa pada 18 Mac 2022. RCEP merupakan Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) terbesar dunia yang merangkumi 15 buah negara dengan jumlah populasi melebihi 2.3 billion atau sekitar satu pertiga jumlah populasi dunia.
9. Syarat memiliki Sijil Tempasal bagi menikmati keistimewaan RCEP seterusnya menarik bukan sahaja perdagangan, tetapi juga pelaburan di negara-negara anggota. Keahlian negara-negara besar serta negara maju dalam RCEP iaitu China, Jepun, Korea, Australia dan New Zealand, disamping ASEAN, menyediakan peluang keemasan dalam mempelbagaikan potensi Halal.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

10. COVID-19 telah menyedarkan kita akan kepentingan kaedah alternatif dalam menjalankan operasi perniagaan iaitu dengan memanfaatkan platform digital.
11. Penggunaan meluas platform digital di kalangan pengguna turut memudahkan akses pasaran, di mana pasaran digital serta e-Dagang dilaporkan sudah mencecah angka RM1 trillion menurut statistik Jabatan Perangkaan Malaysia pada tahun 2021.
12. Laporan '*State of The Global Islamic Economy 2022*', telah menyatakan bahawa hampir semua sektor Halal telah mendapat manfaat daripada transformasi pendigitalan. Sektor-sektor yang dimaksudkan termasuk sektor tradisional seperti makanan dan minuman, serta sektor bukan tradisional seperti teknologi kewangan ataupun Fintech dan perubatan, termasuk tele-perubatan yang semakin meningkat popularitinya di kalangan pengguna.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

13. Digitalisasi memungkinkan perhubungan tanpa sempadan yang menyokong kepelbagaian dalam industri. Bagi mengambil peluang memanfaatkan dunia tanpa sempadan ini, MITI dan MATRADE terus meletakkan matlamat untuk memperkasakan jenama 'Halal Malaysia' sebagai agenda utama negara. Dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan lain seperti JAKIM dan HDC, saya yakin matlamat ini pasti dapat dilaksanakan dengan jayanya.

14. Selain daripada digitalisasi, unsur kelestarian juga amat penting bagi syarikat Malaysia mengembangkan perniagaan mereka, terutama yang baru berjinak-jinak dengan eksport. Kelestarian dalam penghasilan barangan dan perkhidmatan termasuk barangan dan perkhidmatan Halal adalah antara keperluan harus dipatuhi oleh komuniti perdagangan antarabangsa.

15. Di MITI dan MATRADE, kami mengambil maklum bahawa kelestarian merupakan tunjang bagi perdagangan pada masa hadapan, justeru, ianya diserapkan di dalam pelbagai program promosi dan pembangunan pengeksport. Kami berbesar hati apabila inisiatif ini turut disokong oleh sektor swasta yang terdiri daripada institusi perbankan dan lain-lain pemegang taruh.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

16. Berbalik kepada penganjuran MIHAS edisi ke-18 ini, Program Penyumberan Antarabangsa (INSP) secara fizikal dan maya, eksklusif untuk MIHAS telah dilaksanakan, sebelum pameran bermula oleh pihak MATRADE. Program ini menghubungkan hampir 400 pembeli dari 46 negara, dengan 532 syarikat pengeksport Malaysia setakat ini. Dijangkakan dengan format hibrid ini, kita akan dapat menjana jualan ekport yang lebih memberansangkan berbanding tahun-tahun sudah. Program INSP maya akan dilanjutkan sehingga 15 November hadapan.

17. Bagi komponen pameran pula, lebih 1,200 buah reruai disediakan, dengan hampir 300 reruai terjual kepada syarikat asing dari 24 negara, manakala lebih 900 lagi kepada syarikat Malaysia dari

pelbagai sektor. MITI dan MATRADE akan terus menerajui industri Halal negara secara holistik selaras dengan Pelan Induk Industri Halal 2030 untuk mempelbagaikan ekosistem Halal secara global.

18. Tema MIHAS pada tahun ini iaitu "Mempelbagaikan Potensi Halal", amat bertepatan dengan usaha kita dalam meningkatkan kepelbagaian dan menerokai rangkaian barangan dan perkhidmatan semua peserta yang menampilkan variasi dan keunikannya yang tersendiri.
19. Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua penaja MIHAS khususnya kepada rakan perbankan yakni CIMB Bank Islamic, Affin Bank dan Standard Chartered Saadiq, rakan-rakan strategik seperti Malaysia Airlines, Firefly dan CTCS Worldwide Sdn Bhd, serta rakan penaja yang lain seperti Alibaba, Hadramawt, F&N, Bubbles O2 dan Teong Huat Medical Sdn Bhd serta lain-lain yang tidak dapat saya sebutkan satu persatu disini. Terima kasih di atas kepercayaan dan sokongan kepada aspirasi Kerajaan dalam merealisasikan agenda pembangunan Halal di Malaysia.

20. Sebagai penutup, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atas kehadiran beliau dan juga kepada para hadirin sekalian atas komitmen anda dalam membangun dan memperkukuh industri Halal di persada antarabangsa. Saya berharap agar MIHAS akan terus mencipta kejayaan demi kejayaan pada masa hadapan dalam usaha kerajaan memartabatkan industri Halal Malaysia dan juga global. Saya akhiri dengan ucapan selamat maju jaya kepada semua peserta MIHAS 2022.

Terima kasih.

- TAMAT UCAPAN -